



PELAKSANAAN MANDATORI MBRS 2.0 FASA KEDUA BERMULA 1 MAC 2025

MBRS

Malaysian Business Reporting System

Susulan daripada pelancaran sistem Malaysian Business Reporting System (MBRS 2.0) dan pelaksanaan mandatori Fasa 1 pada 1 Disember 2024, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan mewajibkan serah simpan dokumen-dokumen dan permohonan berikut bagi fasa kedua berkuat kuasa pada **1 Mac 2025** :

- Penyata Tahunan di bawah Akta Syarikat 1965
- Penyata Kewangan di bawah Akta Syarikat 1965
- Perakuan bagi Syarikat Persendirian Terkecuali (EPC) di bawah Akta Syarikat 1965
- Penyata Kewangan bagi Institusi Kewangan yang dikawal oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016
- Akuan Berkanun dan Penyata Kewangan dan Laporan Negara Asal (Ibu Pejabat) bagi Syarikat Asing di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016
- Permohonan dan serah simpan Rektifikasi/ Perintah Mahkamah bagi Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan Teraudit di bawah Akta Syarikat 1965

